

Kenaikan harga bitcoin dorong operator buat penyambungan haram

TNB kesan 2,187 kes curi elektrik

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Sebanyak 2,187 kes kecurian elektrik melibatkan aktiviti ‘melombong’ bitcoin dikesan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari Januari hingga September tahun lalu.

Menurut TNB, pada 2018, sebanyak 610 kes curi elektrik bagi aktiviti sama dikesan dan jumlah itu meningkat kepada 1,043 kes pada 2019 dan 2,465 kes pada 2020.

“Kes kecurian elektrik untuk aktiviti melombong bitcoin melonjak lebih 300 peratus dari 2018 hingga 2020. Tahun lalu, sebanyak 2,187 kes kecurian elektrik melibatkan aktiviti sama direkodkan sepanjang sembilan bulan.

“Peningkatan kes itu adalah disebabkan kenaikan harga bitcoin. Operator melakukan penyambungan secara haram selain kesan usik pada meter milik TNB,” katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Menurut TNB, operator bitcoin sebelum ini memilih kawasan komersial dan rumah kedai di kawasan baru yang kurang kepada



SEBUAH premis yang dikesan menjalankan kegiatan melombong bitcoin dalam operasi di Seremban pada tahun lalu.

tan penduduk untuk menjalankan operasi tersebut.

Bagaimanapun, sejak kebela-kangan ini mereka beralih ke ka-

wasan perumahan untuk menga-buri mata pihak TNB.

“Aktiviti ini mengganggu kesta-bilan bekalan elektrik di sesuatu

kawasan. Usikan pada meter TNB menyebabkan bacaan tidak tepat dan seterusnya boleh menyebabkan gangguan kerana permintaan

elektrik di kawasan terbabit me-lebihi keperluan sepatutnya.

“Penyambungan secara haram juga boleh menyebabkan kerosakan dan kegagalan sistem bekalan elektrik hingga menyebabkan percikan arka pada pemasangan TNB di peti pembekal dan pencawang masuk. Akibatnya bekalan elektrik terputus,” ujarnya.

Namun, TNB memberi jaminan akan sentiasa memantau bagi mengesan premis yang disyaki melakukan kegiatan haram tersebut menerusi kerjasama dengan Suruhanjaya Tenaga (ST), polis dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Katanya, setakat 30 September 2021, TNB menyerbu sebanyak 161 premis yang disyaki mencuri elektrik untuk melombong bitcoin dan mereka yang terlibat boleh didenda maksimum RM1 juta atau dipenjara 10 tahun atau keduanya di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990

“Individu yang melakukan kesalahan itu boleh didakwa bagi kesalahan mencuri dan khianat di bawah Seksyen 379 Kanun Keseksaan dan Seksyen 427 kanun sama.